





# **PESAN BUAT REMAJA: ANDA INGIN BERCINTA & KAHWIN?**


**OLEH**  
**MUHAMMAD HANIFF HASSAN**



## ASAS PEMIKIRAN KITA TERHADAP CINTA

- Cinta adalah sesuatu yang subjektif
- Lain orang, lain pandangannya mengenai cinta
- Sebagai seorang muslim, kita harus melihat segala sesuatu dari kaca mata Islam
- Allah tidak menerima dari kita apa jua selain yang selari dengan Islam
- Oleh itu, kita perlulah memahami cinta dari kaca mata Islam
- Cinta dari kaca mata Islam ialah berdasarkan apa yang terdapat dalam Al-Quran, Sunah nabi serta panduan para ulama






## KONSEP CINTA DALAM ISLAM

- Cinta adalah persoalan jiwa / rohani / hati, bukan persoalan fizikal
- Cinta adalah fitrah semula jadi manusia
- Tidak perlu larikan diri darinya
- Tapi uruslah cinta dalam hidup kita
- Allah wujudkan rasa cinta dalam diri kita sebagai ujian, siapa yang benar dan siapa yang akan sesat



Cinta adalah penting sebagai salah satu kekuatan yang mendorong sesuatu tindakan


- Kekuatan cinta yang positif akan mendorong banyak tindakan yang positif
- Kekuatan cinta yang negatif akan mendorong pada tindakan yang negatif



## CINTA YANG DISUKAI ISLAM


- Cinta sebenar ialah cinta kepada Allah taala
- Selain dari itu, adalah cinta kerana Allah taala
- Kita mencintai ibu bapa kerana Allah, kita mencintai kekasih kerana Allah
- Cinta kerana Allah ialah cinta yang sejajar dengan kehendak Allah taala
- Cinta yang tertinggi ialah cinta pada Allah taala, RasulNya dan Jihad di jalanNya
- Cinta yang dianjurkan ialah mencintai ibu bapa, isteri, anak-anak dan saudara se agama kerana Allah taala
- Cinta yang hina ialah cinta pada Taghut, cinta yang mendorong pada nafsu dan cinta yang melalaikan dari mengingati Allah






## **BERCINTA DAN HUBUNGAN LELAKI & PEREMPUAN**

- Islam meletakkan batas-batas yang ketat dalam hubungan lelaki dan perempuan
- Ini kerana untuk mengelakkan zina dan maksiat lain
- Dalam Islam, asalnya berhubungan sesama lelaki dan perempuan dilarang kecuali ada alasan yang membenarkannya
- Contoh alasan yang membenarkannya ialah untuk belajar dan buat kerja kebajikan
- Walau pun demikian, perlulah dipelihara adab-adab hubungan lelaki dan perempuan

- 
- **Hijab meliputi**
    - Pakaian
    - Pertuturan / Komunikasi
    - Pergaulan Sosial
    - Tingkah laku
  - Begitu ketat aturan hubungan antara lelaki dan perempuan, adakah mudah bagi seseorang untuk memeliharanya pada ketika berhubungan kasih?
  - Walaupun kasih terjalin dalam mengerjakan kerja da'wah!


- **Batas-batas tadi hanya terhapus apabila seorang lelaki dan perempuan diikat dengan ikatan perkahwinan**
- **Bagi menjaga kesolehan dan kesucian cinta kita dari maksiat maka seharusnya**
- **Seorang itu tidak mencintai seorang yang lain kecuali untuk menikahinya**
- **Janganlah bercinta kecuali kalau dah bersedia untuk kahwin**
- **Oleh itu, kalau nak bercinta masa muda kenalah bina kemampuan untuk kahwin cepat-cepat.**





## KALAU NAK BERCINTA


- Bersedia dulu, sebelum bercinta
- Jelas visi dan deskripsi, sebelum memilih individu
- Jangan terlalu yakin atau sangka, dapat pelihara diri dari perkara-perkara sumbang; syaitan terlalu licik, nabi Adam pun boleh tersilap kerana dia
- Kadangkala kita tidak melakukan perkara sumbang bukan kerana kita kuat iman, tetapi kita belum diuji
- Ingat! Biasanya perkara sumbang tidak berlaku secara mendadak
- Ia bermula dari satu titik mula yang kecil, perlahan-lahan menjadi lebih besar



## APABILA SUDAH JATUH CINTA

- **Jika anda telah jatuh cinta pada seseorang tetapi belum mempunyai kemampuan untuk kahwin, bersabarlah kerana bersabar itu dapat pahala**
- **Bermujahadahlah, mujahadah itu adalah iumrah hidup**
- **Selain itu berdoalah kepada Allah taala agar menentukan yang terbaik untuk kita**
- **Yakinlah bahawa Allah terima doa kita, dan akan menentukan kesudahan yang terbaik utk kita.**
- **Tidak perlu kecewa, kerana setiap satu ada hikmahnya. Lagi pun, kumbang bukan seekor, bunga bukan sekuntum**






## BAGAIMANA MENYEMARAKKAN CINTA

- **Cinta adalah amalan hati bukan jasmani**
- **Jangan tertipu dengan tingkah laku fizikal kerana ia tidak semestinya menggambarkan hati**
- **Hati adalah milik Allah taala. Maka serahkan urusan hati kepada Allah taala**
- **Allah yang berkuasa untuk menyatukan hati manusia**
- **Oleh itu, berdoalah kepadaNya dan taatilah batas-batasNya untuk menyuburkan dan memberkati cinta**




- **Cinta yang suci hanya akan melekat dengan cinta yang suci**
- **Cinta yang suci timbul dari kesolehan dan ketaqwaan**
- **Taqwa ertinya bercinta sesuai dengan panduan Allah taala**
- **Taqwa adalah nilai asas memandu tingkah laku Muslim yang ingin berkahwin dan bercinta, bukan kecantikan, emosi (kerana dah jatuh cinta) atau harta benda**
  - bercinta/kahwin kerana taqwa
  - memilih pasangan kerana ketaqwaannya
- **“Like attracts like” – pilihan seseorang menggambarkan apa yang ada dalam dirinya**
- **Jika kamu ingin bercinta seperti yang biasa diamalkan pada hari ini, bartanyalah pada diri kamu**
  - “Adakah ia taqwa?”






## BILA SUDAH BERCINTA

- ① Jangan lupa siapa yang pertama sekali mencintai kita
- ① Jangan lupa apa tujuan hidup kita





**SEMOGA ALLAH  
MENGURNIAKAN KITA KETAQWAAN  
DALAM BERCINTA /  
BERUMAHTANGGA**

**SEKIAN**